

aab

Mahathir - Ekonomi

MALAYSIA MENARIH HARAPAN PENYERTAAN SWEDEN DALAM KESATUAN EROPAH

J

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Malaysia berharap penyertaan Sweden dalam Kesatuan Eropah (EU) akan mewujudkan pendekatan ekonomi yang lebih liberal pada peringkat antarabangsa, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata bahawa sebagai rakan perdagangan, kesejahteraan Malaysia pada masa depan bergantung kepada sistem perdagangan antarabangsa yang bersifat terbuka.

Malaysia memerhatikan dengan penuh minat proses rundingan selesai baru-baru ini berhubung dengan permohonan Sweden, Austria, Finland dan Norway untuk menjadi anggota EU.

"Kesatuan Ekonomi yang lebih besar, meliputi dari Garisan Artik dan sempadan Rusia dengan pasaran tunggal melebihi 370 juta penduduk menawarkan peluang terbesar bagi meningkatkan perdagangan dan kerjasama," kata beliau pada majlis jamuan meraikan Perdana Menteri Sweden Carl Bildt di Sri Perdana di sini.

Beliau berkata Malaysia menyambut baik persetujuan yang dicapai dalam rundingan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) baru-baru ini dan cadangan bagi Pertubuhan Perdagangan Dunia dan berharap semua pihak mematuhi perjanjian itu. -- Lagi

▼04/04/22-59MST

U GB 04-04 00136 BC026

aab

Mahathir - Ekonomi 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kesannya amatlah buruk jika sesetengah negara memungkirkan peraturan atau mengambil tindakan secara sehalu.

Negara membangun seperti Malaysia tidak banyak mempunyai kelebihan untuk bersaing, kata beliau.

"Apabila kita menjadi negara industri, kita perlu membayar faedah bagi modal asing, royalti terhadap teknologi asing dan tidak kurang juga cukai untuk menembusi pasaran negara maju"

Satu-satunya kelebihan kita ialah kos tenaga pekerja yang rendah dan ini ialah hasil kos sara hidup yang rendah. Kita terpaksa mengeneipkan beberapa kemewahan dan tidak kurang juga keperluan lain," kata beliau.

Dr Mahathir berkata jika kelebihan ini hilang, maka negara tidak dapat membangun, apatah lagi mengejar kemajuan yang dicapai oleh negara-negara maju dan sekarang inipun kedengaran suara-suara untuk melenyapkan kelebihan itu. -- Lagi

▼04/04/23-16MST

aab

Mahathir - Ekonomi 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa perkara itu hanya memberi manfaat jika negara-negara berkenaan mempunyai daya saing yang seimbang tetapi tiada gunanya jika keadaan ini menyebabkan negara kecil menentang negara yang besar.

Perdana Menteri juga berharap bahawa Malaysia akan mempelajari permodenan dan teknologi canggih Sweden yang memang dikenali di seluruh dunia.

"Dalam hal ini, usaha syarikat-syarikat Sweden di Malaysia untuk menubuhkan Dana Biasiswa Malaysia-Sweden membolehkan rakyat Malaysia memperolehi latihan praktikal dan kepakaran teknologi dari Sweden.

Beliau juga berkata penyertaan Malaysia dan Sweden dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan usaha penghantaran bantuan kemanusiaan di Bosnia-Herzegovina menunjukkan bahawa kedua-dua negara peka terhadap masalah negara itu.

Dalam ucapannya, Bildt berkata beliau kagum dengan pembangunan ekonomi dan sosial Malaysia di samping latar belakang dan kerjasama di kalangan penduduk negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum yang menjadi contoh kepada dunia.

Perdana Menteri Sweden itu lalu menekankan tentang perlunya kerjasama lebih erat antara kedua-dua negara terutama dalam bidang perdagangan.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Dalin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali. -- Bernama

NZ FAZ